

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [ PUCHONG ]**

**TARIKH : 27 MEI 2015**

**RUJUKAN : 8067**

**SOALAN:**

**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan samaada tindakan akan diambil terhadap Ketua Polis Negara kerana mengumumkan bahawa tiada kesalahan hasutan dilakukan oleh mana-mana pihak dalam insiden Salib di Taman Medan pada 1.4.2015. Nyatakan samaada siasatan telahpun dilaksanakan dan dilengkapkan dan samaada pendapat Peguam Negara telah pun diperolehi oleh KPN pada masa pengumuman itu. Sekiranya tiada tindakan, kenapa.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Berhubung dengan isu perhimpunan bantahan mengenai kewujudan gereja di kawasan Taman Medan di Metro Square Taman Medan, Petaling Jaya, pihak polis telah menjalankan siasatan berkait Petaling Jaya Repot 5415/2015 di bawah Seksyen 448/511 Kanun Keseksaan kerana melakukan kesalahan cuba melakukan pencerobohan bangunan pada 20 April 2015. Dalam kejadian tersebut terdapat lebih kurang 40 orang telah hadir dan berkumpul di kawasan tersebut.**

**Kenyataan yang dibuat oleh Ketua Polis Negara adalah berdasarkan kepada laporan polis yang dibuat dan telah diklasifikasikan awal sebagai pencerobohan bangunan bukan diklasifikasikan sebagai kesalahan di bawah Akta Hasutan. Adalah menjadi tanggungjawab pihak polis untuk mengklasifikasikan setiap aduan yang diterima bagi tujuan siasatan atau sebaliknya.**

**Pihak polis dalam proses untuk melengkapkan siasatan serta mengumpul bukti-bukti sebelum Kertas Siasatan diedarkan kepada pihak Pejabat Peguam Negara untuk tindakan lanjut sama ada bersetuju dengan cadangan pihak polis atau sebaliknya.**